

29 JUN 2000

Mahathir-Pameran

DR MAHATHIR RASMI PAMERAN PAKAIAN

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini merasmikan pameran mengenai pakaian bertajuk "Pakaian untuk Badan, Badan untuk Pakaian" sempena mesyuarat para Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini.

Pameran itu, yang mempamerkan pakaian lelaki dan wanita, pakaian besi, kasut, sarung tangan dan topi, menampilkan perbandingan antara evolusi pakaian Eropah dan Islam.

Sebanyak 124 barang-barang itu yang dipamerkan buat kali pertama di adalah dari Muzium Stibbert, Florence, Itali. Ia akan dipamerkan di Muzium Kesenian Islam Malaysia di sini sehingga 30 Sept 30.

Ketika berucap, Dr Mahathir berkata mesyuarat OIC telah membolehkan Malaysia memperkenalkan muzium itu yang terletak dekat Muzium Negara, di sini.

Dr Mahathir berkata barang-barang yang dipamerkan di muzium itu menunjukkan kegemilangan tamadun Islam dan apa yang telah dicapai dalam tempoh itu.

"Kita harus mengimbas ke zaman silam sebagai panduan bagi masa depan. Jika masyarakat Islam boleh mencapai kegemilangan itu pada masa silam, tiada sebab mengapa kegemilangan itu tidak boleh dicapai pada masa depan," kata beliau.

Perdana Menteri berkata rakyat dari pelbagai pelusuk di dunia dan terdiri daripada pelbagai agama mencontohi antara satu sama lain dan ini petanda baik bagi dunia.

"Saya berharap ini akan meningkatkan persefahaman antara rakyat pelbagai agama dan memberi sumbangan kepada dunia yang lebih baik dan aman," kata beliau.

-- BERNAMA

AR FAZ